



## **MAJLIS DAERAH SIK KEDAH DARUL AMAN**

### **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Kedah Darul Aman/Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan yang tersebut di bawah:-

1. Jawatan : **PEMBANTU AWAM GRED H11**  
Klasifikasi Perkhidmatan : **KEMAHIRAN**  
Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**  
Taraf Jawatan : **KONTRAK**  
Jumlah Kekosongan : **1 (LELAKI)**

#### **Jadual Gaji Minimum-Maksimum (RM SEBULAN)**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
<b>SSM401HA11000</b>	<b>H11</b>	<b>1,218.00</b>	<b>2,939.00</b>	<b>80.00</b>

#### **Syarat Lantikan :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

<b>2.</b>	<b>Jawatan</b>	<b>: PEMBANTU AWAM</b>
	<b>Taraf Jawatan</b>	<b>: PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)</b>
	<b>Jumlah Kekosongan</b>	<b>: 1 (LELAKI)</b>
	<b>Jadual Gaji</b>	<b>: RM50.00 SEHARI (tempoh bekerja adalah 9 jam sehari termasuk waktu rehat)</b>

**Syarat Lantikan:**

1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) warganegara Malaysia;
  - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**3. CARA MEMOHON :**

- a) Borang permohonan boleh didapati di Kaunter Bayaran, Majlis Daerah Sik pada waktu pejabat dengan bayaran wang proses **RM3.00**.
- b) Permohonan hendaklah disertakan bersama salinan Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan, Sijil Persekolahan, Sijil Berhenti Sekolah dan dokumen yang berkaitan serta sekeping gambar berukuran pasport. (**Salinan sijil-sijil perlu mendapat pengesahan terlebih dahulu oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A Gred 41 dan ke atas (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) / Pengetua Sekolah Menengah / Penghulu Mukim**).
- c) Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21 dan pastikan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini disertakan bersama.
- d) Permohonan berikut akan **DITOLAK**
  - i) tidak disertakan dokumen yang diperlukan ;
  - ii) tidak lengkap dan tidak terang;
  - iii) borang tidak ditandatangani ; dan
  - iv) tidak disertakan gambar.

- e) Permohonan ini hanya sah selama 1 tahun dari tarikh iklan.
- f) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 22sm. X 32sm. **Disudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.**
- g) Alamatkan permohonan kepada:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SIK  
08200 SIK  
KEDAH DARUL AMAN**

**TARIKH TUTUP: 28 MEI 2024 (RABU)**

**4. CATATAN AM :**

Hanya calon-calon yang layak dan disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.